

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
NEGERI MELAKA

PEPERIKSAAN
PERCUBAAN SPM TAHUN 2017
EKONOMI ASAS

3757/2

Kertas 2**Mei****2 jam****Dua jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan di **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab dalam **Bahagian B**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*
7. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

BAHAGIAN A
[75 MARKAH]

*Jawab mana-mana **tiga** soalan sahaja*

- 1 (a) Situasi di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Amira Sendirian Berhad.

Nazim : Tahun ini syarikat kita bercadang untuk mengeluarkan lebih banyak baju sukan dan seluar sukan.
Anggaran perbelanjaan sebanyak RM100 000 dan untuk pasaran luar negara.

Danial : Saya mencadangkan kita tidak mengeluarkan lebih banyak baju sukan. Kerana saya mendapat maklumat bahawa Syarikat Biru sedang mengeluarkan baju sukan model baharu.

Nazim : Sebab itulah saya sanggup mengambil risiko untuk merebut pasaran dengan produk yang lebih kualiti .

Danial : Baiklah...kita ambil cabaran ini untuk bersaing dengan Syarikat Biru.

Bagaimanakah Syarikat Amira Sendirian Berhad menyelesaikan masalah tersebut? [6 markah]

- (b) Gambar 1 di bawah berkaitan dengan sebuah negara.



Gambar 1

Selain daripada motif utama adalah mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat , terangkan empat ciri lain sistem ekonomi negara tersebut.

[8 markah]


- (c) Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu dasar yang dijalankan oleh kerajaan.

Pada 1 Januari 2013 kerajaan melaksanakan Dasar Gaji Minimum. Dasar ini dilaksanakan kerana sebelum ini pekerja kilang dan ladang di Malaysia menerima gaji bulanan kurang daripada RM800. Dasar ini menetapkan gaji minimum RM900 sebulan di Semenanjung dan RM800 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

Jelaskan kesan Dasar Gaji minimum tersebut kepada :

- i. Pekerja [3 markah]
ii. Majikan. [3 markah]

- (d) Gambar 2 di bawah berkaitan dengan satu petikan akhbar.



Adakah pelabur tersebut telah membuat keputusan yang bijak?

[1 markah]

Jelaskan cara pelaburan lain yang boleh dibuat oleh syarikat tersebut.


[4 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan permintaan minyak.

Pengguna berasa bimbang bahawa harga minyak akan meningkat pada masa depan. Ini berikutan negara Arab Saudi mengurangkan penawaran minyak dan harga minyak mula meningkat. Jadi pengguna mula membeli minyak dengan banyak.

Adakah anda bersetuju bahawa pernyataan tersebut bercanggah dengan Hukum permintaan? [1 markah]
 Beri alasan anda. [4 markah]

- (b) Rajah 1 menunjukkan hubungan antara harga Barang A dengan kuantiti permintaan Barang B.



- (i) Apakah kaitan antara Barang A dengan Barang B ? [1 markah]
- (ii) Jelaskan hubungan antara harga Barang A dengan kuantiti permintaan Barang B. [4 markah]

- (c) Petikan berikut berkaitan dengan suatu fenomena alam.

PETALING JAYA : Panas terik El Nino dijangka akan menjejaskan pengeluaran makanan tempatan. Petani padi di bahagian utara mengeluh mengenai hasil tuaian mereka mungkin akan berkurangan sebanyak 50 peratus. Di Johor penanam sayur di kawasan tanah rendah telah diberi amaran untuk mencari sumber air alternatif yang dijangkakan akan melihat pengurangan hujan sebanyak 20 hingga 60 peratus.

Sumber : www.mstar.com.my 11 Jan 2016

- i. Lakarkan keluk yang menunjukkan perubahan penawaran padi tersebut. [4 markah]
- ii. Jelaskan faktor-faktor lain yang menyebabkan perubahan penawaran sayur. [5 markah]

- (d) Jadual di bawah berkaitan dengan suatu penawaran barang oleh Firma X.

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
40	50
20	32

- i. Hitung nilai keanjalan harga penawaran bagi barang yang dikeluarkan oleh Firma X.
Gunakan rumus :

$$Es = \frac{\text{Peratus perubahan kuantiti ditawarkan}}{\text{Peratus perubahan harga}} \quad [2 \text{ markah}]$$

- ii. Adakah anda bersetuju Firma X menawarkan barang perkilangan? [1 markah]
Berikan **tiga** alasan anda. [3 markah]

- 3a) Jadual 1 di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Input tetap	Input berubah	Jumlah keluaran	Keluaran purata	Keluaran sut
1	0	0	-	-
1	1	10	10	10
1	2	21	10.5	11
1	3	a	11	12
1	4	46	11.5	13
1	5	56	11.2	b
1	6	64	10.6	8
1	7	c	d	4
1	8	68	8.5	e
1	9	f	7.3	-2

Jadual 1

- i. Hitung nilai **a,b,c,d , e** dan **f** [3 markah]
- ii. Terangkan hubungan antara input berubah dengan keluaran purata dan keluaran sut [5 markah]
- (b) Keluarga Encik Faezi suka berbelanja di Pasaraya Mydin. Hampir setiap minggu beliau datang ke sini untuk berbelanja terutama membeli barang keperluan harian yang dijual pada harga yang murah.

Berdasarkan situasi di atas :

- i. Nyatakan syarat kewujudan sesuatu pasaran [3 markah]
- ii. Apakah matlamat Encik Faezi dan Pasaraya Mydin [2 markah]
- iii. Jelaskan peranan Encik Faezi dalam ekonomi [4 markah]
- (c) *“Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia membebaskan rakyat kerana harga barang dan perkhidmatan terus meningkat. “*

Terangkan langkah-langkah bank pusat untuk mengatasi masalah tersebut [8 markah]

- 4 Gambar 3 di bawah menunjukkan dua jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank perdagangan.



Gambar 3

- (a) Adakah anda bersetuju dengan cadangan tersebut? [5 markah]

“ Struktur ekonomi Malaysia pada masa kini tertumpu kepada sektor kedua dan ketiga berbanding sektor utama”

- (b) Terangkan faktor-faktor yang mendorong perubahan struktur ekonomi tersebut [6 markah]

- (c) Jadual 2 di bawah menunjukkan sumber hasil negara.

Sumber Hasil Kerajaan	Peratus
Hasil Bukan Cukai	29
Hasil Cukai Langsung	40
Hasil Q	31
Jumlah Hasil	100 (RM180 bilion)

Jadual 2

Huraikan sumber hasil kerajaan yang diperolehi daripada hasil Q. [7 markah]

- (d) “Hutang luar negara kini RM740 bilion - Kementerian Kewangan”


i. Nyatakan sumber pinjaman luar negara kerajaan Malaysia [3 markah]

ii. Adakah anda bersetuju pinjaman kerajaan dari luar negara lebih baik

daripada pinjaman dalam negara ?
markah]

[4

- 5 (a) Peta 1 di bawah menunjukkan dua arus niaga.



Peta 1

- (i) Kenal pasti arus niaga **I** dan **II** [2 markah]
 (ii) Jelaskan dua perbezaan antara arus niaga **I** dan **II** [4 markah]
- (b) Jadual 3 berkaitan dengan imbangan pembayaran Malaysia pada suatu tahun tertentu.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Imbangan akaun semasa	88 079
Akaun modal dan kewangan	-19 992
Kesilapan dan ketinggalan	-70 713

Jadual 3

- (i) Jelaskan maksud akaun semasa [1 markah]
 (ii) Hitung imbangan keseluruhan pada tahun tersebut. [2 markah]
 (iii) Jelaskan **dua** langkah yang perlu diambil oleh negara berdasarkan jawapan di 5(b) (ii) [4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia.

Lambakan barangan dan kraftangan dari negara jiran di pasaran negara dilihat sebagai salah satu 'ancaman' kepada perkembangan industri kraftangan negara. Kerajaan akan mengenakan antilambakan sekiranya terdapat barangan yang diimport memudaratkan industri tempatan.

- (i) Jelaskan maksud lambakan [2 markah]
- (ii) Setujukah anda dengan tindakan kerajaan di atas?
Berikan **tiga** alasan . [4 markah]

(d) Maklumat berikut berkaitan dengan eksport dan import Malaysia pada tahun 2016

Sehingga bulan September tahun 2016, eksport negara telah meningkat sebanyak 12 peratus berbanding dengan import negara yang menurun sebanyak 8 peratus

Jelaskan kesan perubahan eksport dan import di atas terhadap kadar pertukaran Ringgit Malaysia. [6 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab

- 6 Encik Zamir ialah pesara tentera yang menerima bayaran pencen sebanyak RM 2, 200 sebulan. Ketika bersara, beliau telah diberikan ganjaran sebanyak RM 1 00 000 atas perkhidmatannya dalam angkatan tentera diraja. Isteri Encik Zamir, iaitu Puan Dalila yang bekerja sebagai tukang masak di Hotel Seri Bayu Jaya menasihatkan beliau agar menyimpan kesemua wang ganjarannya dalam akaun deposit tetap yang memberikan pulangan yang stabil. Namun, Encik Zamir membuat keputusan melaburkan wang ganjarannya dalam amanah saham yang dilancarkan oleh kerajaan.

Setelah tiga tahun bersara, Encik Zamir membuat keputusan untuk menggunakan sebahagian daripada wang ganjarannya untuk memulakan perniagaan restoran makanan laut di Teluk Batik, Perak. Pada masa yang sama, Puan Dalila juga membuat keputusan berhenti daripada pekerjaannya untuk membantu suaminya. Ekoran daripada kenaikan *kos pengangkutan* dan *bahan mentah*, Encik Zamir telah membuat keputusan untuk menaikkan harga makanan restoran beliau sebanyak 10 peratus dengan pekali keanjalan harga permintaan yang bernilai **1.6**.

Mulai 1 hb Januari 2016, Encik Zamir telah menggunakan kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan, Bank X & Y Berhad dalam menguruskan hal-hal kewangan restoran beliau. Kemudahan yang disediakan telah berjaya mengurangkan tekanan dan kesibukan Puan Dalila dalam menguruskan urusan harian restoran suaminya.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan berikut :

- (a) Nyatakan jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Zamir [3 markah]

- (b) Adakah anda bersetuju dengan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Encik Zamir?
Berikan **tiga** alasan [4 markah]
- (c) Jelaskan sektor ekonomi yang diceburi oleh Encik Zamir selepas tiga tahun bersara. [2 markah]
- (d) Setujukah anda dengan keputusan Puan Dalila untuk berhenti kerja?
Berikan alasan [6 markah]
- (e) Jelaskan **tiga** ciri *kos pengangkutan* dan *bahan mentah* di atas. [3 markah]
- (f) Wajarkah Encik Zamir menaikkan harga makanan restorannya?
Kemukakan alasan anda. [3 markah]
- (g) Terangkan dua kemudahan pembayaran Bank X & Y Berhad yang boleh digunakan oleh Encik Zamir. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT